

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI  
[ TANGGA BATU ]**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [ TANGGA BATU ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah yang telah dibelanjakan untuk membawa pulang pelajar-pelajar yang terkandas di luar negara di negara-negara yang terjejas teruk dengan COVID-19.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tangga Batu atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga 23 November 2020, Kementerian Luar Negeri (KLN) melalui Perwakilan-Perwakilan Malaysia di luar negara dengan kerjasama agensi-agensi seperti Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah membantu memudah cara kepulangan 26,870 orang rakyat Malaysia dari luar negara. Daripada jumlah tersebut, seramai 8,956 orang pelajar Malaysia persendirian telah berjaya dibawa pulang ke tanah air.

3. Dalam memudah cara kepulangan pelajar persendirian yang terkesan akibat pandemik ini, KLN telah membelanjakan sebanyak RM888,181.07 dengan menggunakan peruntukan yang disalurkan oleh Kementerian Kewangan kepada KLN melalui Surat Kuasa Belanja (SKB) RM25 juta antara Mac hingga November 2020. Perbelanjaan ini meliputi pembiayaan kos makan minum, pengangkutan serta bekalan keperluan asas yang lain termasuk perubatan, pelitup muka dan cecair nyahkuman.

4. KLN sentiasa memantau perkembangan rakyat Malaysia di luar negara yang terdiri daripada pelbagai latar belakang. Ini adalah bagi memastikan agar keselamatan, kesihatan dan kebajikan mereka sentiasa terjaga. KLN turut mengambil langkah-langkah proaktif sebaik mungkin bagi menghulurkan bantuan kepada pelajar di luar negara yang memerlukan. Bagi memastikan objektif ini tercapai, pelajar dan mana-mana rakyat Malaysia yang memerlukan bantuan di luar negara dinasihatkan untuk terus berhubung dengan Pejabat Perwakilan Malaysia agar bantuan sewajarnya dapat diberikan dengan segera.

Sekian, terima kasih.